

Hezron dan Avelyn juara Gema Cipta

UM 03.10.2012 &

KOTA KINABALU 2 Okt. - Pencipta dan penulis lirik lagu *Please Stay*, Hezron Diman dan Avelyn Chua membawa pulang hadiah utama, wang tunai RM1,000, piala pusingan dan sijil penyertaan pada pertandingan akhir Gema Cipta 2012 anjuran Sekolah Pengajian Seni (SPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini baru-baru ini.

Pelajar Sabah Institute of Art (SIA) iaitu Andy Lowie Jarius dan Eugene Tong pula masing-masing mendapat tempat kedua dan ketiga dengan lagu *Semua Kerna Cinta* dan *She Loves Me* sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM700 dan RM500 serta sijil penyertaan.

Sementara itu, Lirik Terbaik dimenangi oleh Shaiful Nazri, dengan lagunya *Panorama* sekali gus memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM100.

Pengerusi penganjur, Roslee Wahid berkata, penganjuran itu wajar diteruskan kerana merupakan medium mencungkil bakat-bakat pelajar dalam seni muzik terutamanya dalam penciptaan lagu.

Beliau yang juga Pensyarah Seni SPS menambah, pertandingan itu juga membantu menghasilkan lagu-lagu baru yang mempunyai nilai-nilai komersial di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Dalam pada itu, tujuh peserta akhir pada pertandingan tersebut membawa pulang hadiah sugu hati iaitu wang tunai sebanyak RM50 dan sijil penyertaan.